

Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-58 Penubuhan Jabatan Penerangan



Pengarah Penerangan ketika memberi ucapan di majlis tersebut

Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-58 telah diadakan pada 1 April 2010 bertempat di Dewan Pengiran Setia Negara jabatan berkenaan di Berakas.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah yang dipimpin oleh Pengiran Haji Zahari bin Pengiran Adi dan seterusnya ucapan oleh Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

Ceramah khas bertajuk Etika Kerja Menurut Islam telah disampaikan oleh Ustaz Haji Badarudin bin Haji Basar, penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah. Antara lain beliau menyentuh mengenai enam etika kerja dalam Islam yang mesti dipatuhi oleh Warga Perkhidmatan Awam iaitu taat kepada Allah, Rasul-Nya dan ulilamri, amanah kepada pekerjaan, menjadikan kerja sebagai ibadah, mencari keredaan

Sebahagian para pegawai lelaki yang hadir di majlis tersebut.



Ustaz Haji Badarudin, penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah.

Allah, bekerja dengan cemerlang dan bertanggungjawab terhadap pekerjaan.

Jabatan Penerangan telah ditubuhkan pada 1 April 1952 dengan hasrat antara lainnya untuk menjadi sebuah institusi penyebaran maklumat sesuai dengan kehendak kerajaan pada masa itu. Sehingga kini Jabatan Penerangan terus berkembang dalam merealisasikan visi dan misi jabatan tersebut dan banyak pencapaian telah dapat dilaksanakan melalui strategi kerja iaitu media cetak, interpersonal dan terkini menggunakan media

baru dalam penyebaran maklumat-maklumat seperti Pelita Online Harian yang menyiarkan berita yang dikemaskini setiap hari, Laman Web Diari Harian Brunei Darussalam dan sebagainya.

Dalam usianya melewati setengah abad, Jabatan Penerangan telah dapat mengukuhkan kedudukannya sebagai sebuah jabatan yang berdaya saing dan akan terus maju ke hadapan dalam mempertingkatkan perkhidmatannya kepada orang ramai.

Sidang Redaksi

Penasihat

Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

Ketua Pengarang

Hajah Noorashidah Haji Aliomar
Sastra Sarini Haji Julaini

Ahli Sidang Pengarang

Noriah Haji Abdul Hamid
Hajah Noorhijrah Haji Idris
Hajah Zaianit Haji Noorkhan
Aidah Hidop
Hajah Apsah Haji Sahdan

Penyumbang Berita

Ismalee Haji Abdul Rahman
Hajah Norpisah Md Salleh
Fa'ezah Hayati binti Haji Abd. Rahman
Asnah Diwa
Bahagian-bahagian
Cawangan Daerah-daerah

Penyemak

Hajah Norpisah Md Salleh

Penyelaras Online

Haji Ariffin Mohd Noor

Fotografi

Bahagian Fotografi
&
Audio Visual
Bahagian Perhubungan Awam
Bahagian Berita Inggeris
&
Media IT

Reka Letak

Aidah Hidop

Sekapur Sirih

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera kepada semua warga Penerangan

Selamat menyambut Ulang Tahun Penubuhan Jabatan Penerangan pada 1 April, 1952. Jabatan Penerangan telah berusia 58 tahun. Majlis Kesyukuran telah diadakan sempena hari tersebut dan semua warga mendoakan Jabatan Penerangan akan terus memberikan sumbang baktinya kepada orang ramai dalam melaksanakan visi jabatan 'Ke Arah Membudayakan Masyarakat Bermaklumat'. Jabatan juga sempena ulang tahun tersebut telah memberikan sijil dan plak penghargaan kepada pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat di Jabatan Penerangan lebih dari 25 tahun.

Dalam usia 58 tahun itu jabatan telah mengalami pelbagai perubahan dari segi strukturnya, perkhidmatan, kemudahan dan lain-lain sesuai dengan kehendak masa kini. Semuanya telah dapat ditempuh oleh jabatan dengan beraninya sehingga ia masih kukuh berdiri dalam jentera pentadbiran kerajaan.

Aktiviti memberigakan Hari Kebangsaan terus dilaksanakan. Pameran Warna Warni Hari Kebangsaan telah diadakan di bangunan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkia. Melalui pameran tersebut orang ramai khususnya penduduk-penduduk di Kampong Ayer dengan mudahnya akan dapat sama-sama berkunjung dan menyaksikan pameran tersebut dalam sama-sama menghayati Hari kebangsaan negara.

Selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, meningkatkan pengetahuan dan kemahiran seorang pegawai Perhubungan Awam adalah menjadi misi utama jawatankuasa tersebut. Oleh itu, Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam telah diadakan di Daerah Temburong bagi pegawai dan kakitangan jabatan kerajaan di daerah tersebut dan juga bagi Pegawai Perhubungan Awam dan pengamalnya bagi jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Melalui bengkel tersebut akan dapat memberi garis pandu kepada pegawai-pegawai berkenaan dalam melaksanakan kerja-kerja perhubungan awam, sekali gus akan dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang dalam mengangkat imej pemimpin negara kita. Inilah hasrat jabatan.

Jabatan akan terus memberikan perkhidmatan yang terbaik dan sememangnya hasrat tersebut akan dapat dicapai dengan adanya dukungan dan kerjasama semua warga sebagai satu pasukan dalam mengangkat nama jabatan. Terima kasih semua.

Wassalam.

*Dr. Muhammad Hadi bin Muhamad Melayong
Pengaroh Penerangan*

Isi Kandungan

- | | |
|--|---|
| - Majlis Kesyukuran Sempena Ulang Tahun Ke-58 Penubuhan Jabatan Penerangan | 1 |
| - Lawatan Kerja Pengarah Penerangan ke Malaysia | 3 |
| - Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam Naik Pangkat | 4 |
| - Pameran Foto Warna-Warni sempena Hari Kebangsaan | |
| - Bengkel Pengenal Perhubungan Awam bagi JPM | 5 |
| - MRO Bertugas | |
| - Jabatan Penerangan memberi penghargaan kepada warganya | 6 |
| - Bengkel Perhubungan Awam di Pulau Pinang | 7 |
| - Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010 | 8 |
| - Selamat Hari Lahir | |

Biskita dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita bahagian masing-masing. Berita berkenaan boleh dihantar terus ke Bahagian Perhubungan Awam atau Bahagian Berita Inggeris dan Media IT.

Berita-berita berkenaan juga boleh dihantar melalui faks 2382012 atau 2382548

Atau e-mel terus ke wartapenerangan@gmail.com

Layarilah laman web PELITA BRUNEI melalui:
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
E-mail: pelita.brunei@information.gov.bn
Keluarnya setiap 2 kali seminggu (Rabu dan Sabtu)

Lawatan Kerja Pengarah Penerangan Ke Malaysia

Yang Mulia Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, Pengarah Penerangan, Jabatan Penerangan telah membuat lawatan kerja ke Malaysia, dari 18 hingga 22 April yang lalu. Ikut serta dalam rombongan lawatan kerja tersebut ialah Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim, Ketua Bahagian Pelita Brunei; Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, Ketua Cawangan Penerangan Tutong dan Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya, Ketua Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa.

Di hari pertama lawatan kerja, rombongan telah melawat ke Jabatan Penerangan Malaysia, RTM (Wisma Televisyen dan Wisma Radio) dan ke Pusat Penyiaran Antarabangsa (International Broadcasting Centre). Atur cara lawatan kerja di Jabatan Penerangan Malaysia dimulakan dengan kunjungan muhibah kepada Yang Berbahagia Dato' Abdullah Morad, Ketua Pengarah Penerangan Malaysia. Dalam sesi kunjungan muhibah, beberapa perkara dan maklumat telah dikongsisama yang antara lain termasuk media baru seperti laman web, penggunaan blog, penyaluran maklumat-maklumat kerajaan, pemantauan aduan-aduan orang ramai melalui laman web, akses jalur lebar (broad band), Pusat Teknologi Maklumat, Pusat Maklumat Rakyat, penyaluran maklumat melalui hiburan (PENTARAMA) serta peranan Pegawai Perhubungan Awam di setiap kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Di sebelah petang rombongan telah dibawa melawat ke Radio Televisyen Malaysia (Wisma Radio & Wisma TV) dan Pusat Penyiaran Antarabangsa (International Broadcasting Centre).

Di hari kedua lawatan kerja, rombongan telah dibawa melawat ke Komuniti BESTARI Kampung Sawah, di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia - BERNAMA. Lawatan rombongan ke Komuniti BESTARI Kampung Sawah, Port Dickson, Negeri Sembilan telah diiringi sama oleh Ketua Pengarah Penerangan Malaysia, Yang Berbahagia Dato' Abdullah Morad dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan Malaysia.



Rombongan dari Jabatan Penerangan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama para pegawai dari Jabatan Penerangan Malaysia.

Di sana rombongan telah melihat dengan lebih dekat produk-produk yang terdapat di Kampung Sawah seperti makanan-makanan tradisi nasi ambeng, bubur som-som, jenong kerisik, kacang BESTARI, kerepek pisang dan ubi dan jamu selepas bersalin. Rombongan juga telah dibawa melawat ke Projek-projek Perusahaan Kecil Komuniti BESTARI iaitu Perusahaan Jamu Tradisional, Perusahaan Tempe, Kraftangan, Pengusahaan Lintah dan Industri Kek dan Roti.

Di sebelah petang rombongan telah membuat lawatan ke BERNAMA di mana rombongan telah diberikan taklimat yang disampaikan oleh Yang Berbahagia Datuk Yong Soo Heong, Ketua Pengarang BERNAMA. BERNAMA berperanan sebagai sumber yang terkini dan boleh dipercayai. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan oleh BERNAMA termasuk Perkhidmatan Maklumat Kewangan Tepat Masa, Berita Tepat Masa, Perkhidmatan Perpustakaan (pangkalan data), Penghantaran Siaran Akhbar/Maklumat Secara Global, Pengurusan Acara, Foto dan Audio Visual. Rombongan juga telah berkesempatan melawat ke BERNAMA Radio 24, Bahagian Rangkaian Berita-Berita Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (The Non-Aligned News Network) (NNN), BERNAMA TV dan Jabatan Pengarang.

Di hari ketiga lawatan kerja,

rombongan telah membuat lawatan ke Syarikat Tera Asia Pacific Sdn. Bhd. dan National Straits Times Printing. Selain itu rombongan juga telah sempat membuat lawatan ke tempat-tempat bersejarah seperti Rumah Awang Alak Betatar, Victoria Institution, Sekolah Rendah Kebangsaan Henry Gurney, Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjong Malim, Perak dan Rumah Brunei di Kuala Lumpur bagi mendapatkan bahan dari segi gambar-gambar dan maklumat-maklumat yang boleh digunapakai sebagai sumber rujukan dan arkib Jabatan Penerangan.

Selain memperkukuhkan dan mengeratkan lagi kerjasama di bidang penerangan yang sedia wujud melalui Memorandum Persefahaman, lawatan kerja tersebut bertujuan untuk melihat secara lebih dekat struktur organisasi dan program-program penerangan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan Malaysia, di samping membuat kunjungan muhibah kepada Ketua Pengarah Penerangan Malaysia dan seterusnya membuat perbincangan, bertukar-tukar pengalaman, maklumat dan pengetahuan mengenai bidang-bidang penerangan yang dapat dikongsisama yang menjurus kepada kemasyarakatan, perhubungan awam, media cetak dan latihan jangka pendek. Lawatan kerja ini juga merupakan antara persediaan awal Jabatan Penerangan bagi menerbitkan akhbar rasmi kerajaan Pelita Brunei tiga (3) kali seminggu.

Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam



Sebahagian para peserta yang mengikuti Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam di Daerah Temburong.

Seramai 25 orang Pegawai Perhubungan Awam dan pegawai-pegawai yang menjalankan tugas Perhubungan Awam di Daerah Temburong telah mengikuti Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam buat pertama kalinya diadakan di daerah tersebut bermula pada 14 hingga 15hb April, 2010 di adakan di Dewan Serbaguna, Bangunan Bumiputera Pekan Bangar, Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada peserta-peserta bengkel ialah Pegawai Daerah Temburong, Awang Metussin bin Orang Kaya Sura Haji Tuba.

Bengkel dianjurkan oleh Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan

Negara Brunei Darussalam dengan tujuan untuk mempertingkatkan kefahaman dan kesedaran tugas dan tanggungjawab Pegawai dan Pengamal Perhubungan Awam.

Sepanjang bengkel peserta telah diberi pendedahan mengenai tugas-tugas kerjaya di bidang Perhubungan Awam, penulisan berita, Newsletter/surat berita dan pengambilan gambar secara teori dan praktikal. Bengkel tersebut diharap akan membawa dimensi dan harapan baru kepada peserta bengkel untuk meningkatkan kemahiran memandangkan profesyen Perhubungan Awam adalah sebagai kayu pengukur dan juga penentu kepada kejayaan pelaksanaan agenda pembangunan dan landskap sesebuah organisasi dan negara.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhamad Melayong dalam ucapannya antara lain berkata cabaran terkini dalam penyebaran maklumat ialah ia tidak terhad kepada media tradisional seperti media cetak, elektronik dan bersemuka, penggunaan media baru seperti laman sosial media iaitu Facebook, Twitter, aplikasi Web 2.0, YouTube dan lain-lain kini menjadi pilihan utama kepada ramai khususnya generasi muda untuk mendapatkan maklumat dan penyebaran berita. Pegawai Perhubungan Awam perlu menyesuaikan diri dengan teknologi baru ini dan menggunakannya semaksima mungkin sebagai *platform* atau kaedah tambahan dalam penyebaran maklumat.

Naik Pangkat

Ucapan tahniah disampaikan kepada dua orang pegawai Jabatan Penerangan yang telah disokong untuk dinaikkan pangkat melalui Memorandum Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bertarikh 19 April 2010.

Mereka ialah Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar, Pegawai Penerangan dan Awang Azman bin Haji Abdul Rahim, Pegawai Penerangan dinaikkan pangkat sebagai Pegawai Penerangan Kanan di Jabatan Penerangan dalam tanggagaji B.3 mulai 8 Februari 2010.

Berikutan kenaikan pangkat tersebut, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar akan memegang jawatan Pegawai Penerangan Kanan I dan Awang Azman bin Haji Abdul Rahim akan memegang jawatan Pegawai Penerangan II dalam struktur organisasi jabatan ini.

Pameran Foto Warna-Warni Sempena Hari Kebangsaan

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Abdul Hamid bin Abdullah, Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan lawatan ke Pameran Foto Warna-Warni Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Tahun 2010 pada 23 April 2010 bertempat di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah di ibu negara.

Beliau telah menyaksikan lebih kurang 100 keping gambar yang diambil semasa perhimpunan sempena sambutan Hari Kebangsaan. Pameran ini diadakan dengan tujuan untuk menanamkan semangat patriotik dan cintakan tanah air di kalangan rakyat dan penduduk negara ini, khususnya generasi muda. Sebelum ini pameran yang serupa telah pun diadakan pada 23 hingga 25 Mac 2010 di The Mall, Gadong.

Mengiringi beliau ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan Ketua Bahagian Pameran dan Penerbitan, Awang Azman bin Haji Abdul Rahim.



Pemangku Pengarah Penerangan (tiga dari kanan) ketika membuat lawatan ke Pameran Foto Warna-Warni Sempena Hari Kebangsaan 2010.

Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam Bagi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya



Antara peserta yang mengikuti Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam Bagi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya.

Jabatan Penerangan melalui Bahagian Perhubungan Awam selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Bengkel Pengenalan Perhubungan Awam kepada 30 orang Pegawai dan Pengamal Perhubungan Awam bagi Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya pada 27 April di Dewan Sukma

Indera, Pusat Kajian Dasar dan Strategik (CSPS) Gadong.

Bengkel yang julung-julung kalinya diadakan dengan kelolaan bersama Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan Penerangan selaku Sekretariat Jawatankuasa Perhubungan Awam Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam adalah bertujuan bagi sama-sama mengongsikan pengalaman perhubungan awam antara jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri di samping sebagai pengenalan mengenai tugas dan tanggungjawab perhubungan awam secara am.

Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dalam taklimatnya telah menyentuh mengenai pentingnya Pegawai Perhubungan Awam mengetahui *key messages* organisasi memandangkan

Pegawai Perhubungan Awam merupakan pegawai barisan depan (frontline) organisasi dan juga *focal point* semua hal berkaitan media.

Ketua Bahagian Pelita Brunei, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim dalam taklimat beliau telah mengupas mengenai rencana yang bersifat 'bagaimana' yang lebih menceritakan keperluan umum dengan penggunaan jalan bahasa yang baik dan menarik dan diakhiri dengan menimbulkan dorongan dan suntikan semangat kepada pembaca. Para Pegawai Perhubungan Awam juga telah diberikan tugas untuk menulis rencana secara berkumpulan.

Di samping mendedahkan mereka kepada tata penulisan rencana dan pemberitaan di dalam media cetak, peserta juga telah berpeluang untuk mendengar taklimat mengenai situasi media di Negara Brunei Darussalam yang telah disampaikan oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Media, Awang Haji Dayang bin Haji Kasim.

MRO bertugas di bulan April

Para Pegawai Penyelaras Media (MRO) dari Jabatan Penerangan telah ditugaskan di majlis-majlis tertentu sepanjang bulan April. Acara-acara tersebut ialah seperti:

Tarikh	Acara
3 - 4 April	Lawatan Negara Tuan Yang Terutama Emomali Rahmon, Presiden Republik Tajikistan
6 April	Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Vietnam
30 April	Keberangkatan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ke Rizqun International Hotel bagi menyempurnakan Pengurniaan Kempen Hajat BIBD.

Jabatan Penerangan memberi penghargaan kepada warganya

Sempena ulang tahun penubuhan Jabatan Penerangan yang ke-58, Majlis Tahlil, Penyampaian Sijil Penghargaan 25 Tahun Perkhidmatan dan acara-acara sukan jabatan telah diadakan pada 29 April 2010.

Hampir 100 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan dari keempat-empat daerah menghadiri majlis berkenaan. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Faatihah dipimpin oleh Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Md. Yassin.

Pengarah Penerangan, Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong dalam ucapannya menyatakan Majlis Sempena Ulang Tahun Ke-58 Penubuhan Jabatan Penerangan adalah sebagai ucapan penghargaan dan terima kasih kepada para pegawai dan kakitangan yang terlebih dahulu menabur budi serta jasa yang telah kembali kerahmatullah dan juga kepada mereka yang masih dan sudah berkhidmat dengan Jabatan Penerangan selama lebih 25 tahun.

Meskipun penghargaan tersebut hanyalah sekadar berbentuk sijil dan plak, tetapi dengan adanya majlis ini semoga perkhidmatan yang telah disumbangkan itu akan mendapat imbalan dan balasan daripada Allah Subhannahu Wataala, jelas Pengarah Penerangan.

Seterusnya Pengarah Penerangan berpesan kepada warga Penerangan supaya sentiasa mengisikan masa pejabat dengan kerja bermanfaat bukan sahaja berkaitan dengan tugas dan tanggungjawab tetapi sebagai satu amal kebajikan yang diterima oleh Allah.

Pelbagai perkembangan telah dapat dicapai oleh Jabatan Penerangan dari titik mula berwayang gambar ke kampung-kampung sehingga ke era globalisasi menggunakan komputer canggih, Jabatan Penerangan dapat berganding bahu dengan kementerian dan jabatan yang lain dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat untuk mengukuhkan lagi kepimpinan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi mencapai Wawasan 2035. In-sya-Allah objektif Wawasan



Awang Haji Hassan yang telah berkhidmat di Jabatan Penerangan selama 28 tahun.



Jabatan Penerangan juara Perlawanan Tarik Kalat Jabatan Perdana Menteri dan Jabatan-jabatan Di Bawahnya.



Dayang Hajah Mariam yang telah berkhidmat di Jabatan Penerangan selama 27 tahun.



Dayang Noriah pemenang pingat emas dalam acara badminton sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-16.

2035 akan dapat dicapai melalui penyebaran maklumat dan negara yang hidup dalam rukun damai, aman sejahtera dan penuh sentiasa stabil di bawah pimpinan seorang raja yang disayangi.

Di majlis tersebut juga, Pengarah Penerangan telah menyampaikan sijil dan plak kepada seramai 35 orang pegawai dan kakitangan yang telah berkhidmat di Jabatan

Penerangan lebih daripada 25 tahun dan kepada warga Penerangan yang terlibat dalam acara-acara sukan jabatan dan mewakili Jabatan Perdana Menteri di Pesta Sukan Kementerian-kementerian sempena Hari Perkhidmatan Awam Ke-16 2009 serta penghargaan kepada Persatuan Tarik Kalat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Bengkel Perhubungan Awam di Pulau Pinang



Peserta dari Jabatan Penerangan bergambar ramai bersama para peserta dari Jabatan Penerangan Malaysia.



Dayang Nur Amalina salah seorang peserta dari jabatan ini.



Dayang Noriah menerima sijil penyertaan di hari terakhir bengkel.

Dua orang pegawai dari jabatan ini telah dijemput untuk mengikuti Bengkel Perhubungan Awam Siri 01/2010 di Bayview Hotel, Pulau Pinang Malaysia pada 4 hingga 9 April 2010 atas jemputan Jabatan Penerangan Malaysia di bawah Memorandum Persefahaman Di Bidang Penerangan antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Malaysia sepertimana yang dipersetujui dalam Mesyuarat Teknikal antara kedua-dua buah negara.

Dayang Noriah binti Haji Abd Hamid, Penolong Pegawai Perhubungan Awam Tingkat 1 dan Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok, Penterjemah (Cina) telah mengikuti bengkel tersebut bersama-sama 28 orang Pegawai Perhubungan Awam yang bertugas di pelbagai agensi Kerajaan Negeri di Malaysia.

Para peserta bengkel telah mendengar 11 buah ceramah yang masing-masing bertajuk Perhubungan Media, Pengurusan Acara dan Kepimpinan Berkualiti yang telah disampaikan oleh Datin Paduka Omi Habibah Haji Shariff, Pengarah Bahagian Penerbitan Dasar Negara yang mempunyai pengalaman bekerja dengan Menteri dan Timbalan Perdana Menteri di negaranya.

Alhamdulillah dengan mengikuti bengkel ini, telah memberikan pengalaman dan ilmu yang berguna kepada peserta-peserta bengkel dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Pegawai Perhubungan Awam atau Pengamal Komunikasi, berkongsi pengetahuan dan pengalaman bagi mengaplikasikan kegiatan Perhubungan Awam yang sistematik. Maka dengan adanya strategi-strategi perhubungan awam masa kini yang diajar dan dikongsikan akan membawa dimensi dan harapan baru kepada peserta bengkel untuk terus meningkatkan kemahiran masing-masing.

Majlis Penutupan Rasmi telah disempurnakan oleh Encik Mohammad Fatkhul Hatta bin Robiki, Pengarah Jabatan Penerangan Pulau Pinang mewakili Ketua Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia yang seterusnya juga telah menyampaikan sijil kepada peserta bengkel.

Di hari terakhir berada di Pulau Pinang, peserta negarai telah berpeluang untuk menjejaki George Town dan seterusnya menyusuri Tanjung Bungah dan Batu Ferringhi. Mereka sempat singgah di sebuah Masjid Terapung yang mana menurut rakan Penerangan Negeri Pulau Pinang bahawa masjid berkenaan tidak rosak sedikitpun semasa Tsunami melanda sedangkan

rumah-rumah yang berdekatan habis musnah. Sepanjang perjalanan deretan hotel-hotel dan apartmen mewah berdiri dengan megahnya. Pulau Pinang telah jauh membangun dibanding 21 tahun lalu semasa penulis menuntut di Universiti Sains Malaysia. Pulau Jerejak yang suatu ketika dulu merupakan tempat tahanan pesalah-pesalah kini sudah dijadikan salah satu destinasi pelancongan yang hebat. Beberapa pusat perniagaan telah dibangun sehingga mendatangkan kesan kepada gedung membeli-belah KOMTAR yang kini semakin berkurangan pengunjungnya.

Pengalaman yang tidak dapat dilupakan oleh dua peserta dari jabatan ini adalah peristiwa gegaran akibat gempa yang melanda Medan yang berukuran 7.5 skala rektar. Pada waktu itu sekitar pukul 6.15 pagi di mana hotel tempat penginapan bergegar selama lebih kurang 5 minut. Penghuni hotel yang lain telah pun turun ke kawasan lapang sedangkan kami masih dalam keadaan tergamam dan tidak bergerak dari tempat masing-masing. Syukur alhamdulillah kerana tidak berlaku tragedi yang buruk walaupun telah diramalkan bahawa gempa susulan berukuran 8.5 skala rektar yang membawa kepada Tsunami akan berlaku.

Pemenang Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik

Dengan tema 'Eyes (Mata)' Peraduan Anugerah Fotografi Terbaik 2010 diteruskan lagi bagi bulan Mac dan penyertaannya berakhir pada 15 April.

Kategori Bahagian Fotografi dan Audio Visual dimenangi oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah melalui gambar 'Pancaindera'. Manakala Awang Haji Masrin bin Bahrin telah memenanginya bagi Kategori

Kakitangan Jabatan Penerangan melalui gambar 'Kesedihan Terpancar Di Mata'.

Bahagian Fotografi dan Audio Visual juga telah mengumumkan para pemenang bagi kedua-dua kategori yang telah berjaya mengumpul markah tertinggi bagi tiga bulan pertama. Mereka ialah Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah yang mengumpul 30 markah bagi Kategori Bahagian Fotografi dan

Audio Visual. Kategori Bahagian Kakitangan pula dimenangi oleh Dayang Nur Amalina Jennifer binti Abdullah Mok dengan mengumpul 27 markah.

Hadiah penghargaan akan diberikan kepada para pemenang kedua-dua kategori yang berjaya mengumpul markah tertinggi bagi tiga bulan pertama peraduan tersebut.



'Pancaindera' oleh Ampuan Haji Mahmud bin Ampuan Haji Tengah yang memenangi Kategori Bahagian Fotografi dan Audio Visual.



'Kesedihan Terpancar Di Mata' yang memenangi Kategori Bahagian Kakitangan oleh Awang Haji Masrin bin Bahrin.

Selamat Hari Lahir

Ah Chua bin Bangau	4 April
Dayang Timah binti OKB Haji Ali	5 April
Dk. Siti Redzaimi binti Pg. Haji Ahmad	5 April
Dayang Mariana binti Jais	9 April
Awang Haji Ariffin bin Mohd. Noor/Morshidi	10 April
Dayang Siti Zuraihah binti Awang Sulaiman	10 April
Awang Mahmud bin Ibrahim	11 April
Dayang Hezlinawati binti Haji Abdul karim	20 April
Dayang Dede Sutini binti Mazziz/Hassan	20 April
Awang Abdullah bin Haji Awang Damit	29 April